

# 6 kampung dilanda ribut

Berita Harian 8/06/2010 M/S 31

## Lebih 50 rumah di Yan dinaiki air, bumbung diterbang angin kencang

Oleh Nahar Tajri  
nahar@bharian.com.my

**Y**AN: Lebih 50 rumah di enam kampung di sini, dinaiki air manakala 17 rumah lagi di empat kampung rosak teruk membabitkan 500 penduduk dari 50 keluarga dalam kejadian ribut dan hujan lebat di sekitar daerah ini, awal pagi semalam.

Angin kencang diikuti hujan lebat yang berlarutan dari jam 8 pagi Sabtu lalu hingga jam 2 pagi kelmarin menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan dengan paras air di beberapa sungai di daerah ini naik hingga paras satu meter.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Guar Chempedak, Datuk Dr Ku Rahman Ku Ismail, berkata hujan berterusan selama beberapa jam menyebabkan banjir kilat di kawasan Kampung Kepala Bukit, Kampung Titi Teras, Kampung Teroi, Kampung Sungai Bongkok, Kampung Sungai Malai dan Kampung Sungai Ibuk.

"Setakat ini, kita belum menerima maklumat terperinci mengenai bilangan mangsa yang terbabit dalam kejadian banjir.

"Selain itu kita juga tidak menerima apa-apa laporan berkenaan mangsa yang diarahkan berpindah ke penempatan sementara mangsa banjir.

"Bagaimanapun berdasarkan tinjauan kita hari ini



**DUA kakitangan Tenaga Nasional Berhad mengalihkan zink dan besi yang tersangkut pada kabel elektrik yang diterbangkan angin dalam kejadian ribut di Guar Cempedak, semalam.**

(semalam) banjir sudah surut namun kita tetap berseedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan," katanya di sini, semalam.

Ku Rahman berkata, dalam kejadian ribut pula sebanyak 17 rumah di kawasan Taman Desa Aman, Pondok Haji Hussin, Kampung Lorong Panglima dan Guar Chempedak rosak teruk terutama di bahagian bumbung apabila atap rumah diterbangkan angin kencang.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Yan, meminta orang ramai yang terbabit

dalam banjir supaya membuat laporan di Balai Polis Guar Chempedak atau mana-mana balai polis bagi memudahkan pemantauan dibuat.

"Ia perlu bagi memudahkan JKM membuat semakan mengenai bilangan mangsa yang terbabit dan daripada maklumat itu, JKM akan menyasiat jumlah kerugian bagi membolehkan bantuan disalurkan kepada mangsa secepat mungkin.

"Sehingga kini juga masih belum ada mangsa dilaporkan terpaksa berpindah ke penempatan sementara de-

ngan paras air dilaporkan beransur pulih," katanya.

Seorang penternak lembu, T. Saminathan, 29, dari Sungai Bongkok berkata, dia mengalami kerugian sebanyak RM2,000 selepas semua makanan lembu dan mesin mengepam air miliknya rosak.

"Saya tidak sempat mengalihkan semua makanan ternakan dan peralatan itu kerana kejadian banjir berlaku dengan cepat.

"Saya ada kira-kira 200 ekor lembu dan dengan kejadian semalam mungkin ada yang hilang" katanya